



**LEMBAGA JURUKUR TANAH
MALAYSIA**
(LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458)]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI: **LJT 614**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7, WISMA LJT
LORONG PERAK
PUSAT BANDAR MELAWATI
53100 KUALA LUMPUR
No. Telefon: 03-41085191
No. Faksimili: 03-41085178
e-mail: secretary@ljt.org.my
laman web: www.ljt.org.my

06 Mei 2025
08 Zulkaedah 1446H

SEMUA JURUUKUR TANAH BERLESEN

YBhg. Datuk Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan LSr,

**PEMBERIAN SUBSIDI/INSENTIF LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA KEPADA
JURUUKUR TANAH BERLESEN BAGI TAHUN 2025**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT) merupakan badan profesional yang antara fungsinya adalah untuk menggalakkan Juruukur Tanah Berlesen (JTB) meningkatkan keupayaan dan produktiviti JTB selaras dengan perkembangan terkini teknologi ukur dan bidang-bidang geomatik yang lain.

3. Selaras dengan itu, sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga ke 560 pada 11 April 2025 telah meluluskan tawaran pemberian subsidi/insentif kepada JTB bagi tahun 2025 yang mana jumlah tuntutan subsidi adalah 50% berdasarkan harga sebenar pembelian tetapi tertakluk kepada had maksimum sebanyak RM80,000.00 (Ringgit Malaysia Lapan Puluh Ribu Sahaja).

4. Pemberian subsidi/insentif ini adalah merangkumi pembelian perkara-perkara berikut sahaja:

- i- peralatan ukur dan geomatik;
- ii- perkakasan komputer, komputer riba, tablet, server, pencetak dan pengimbas;
- iii- perisian komputer dan perisian ukur termasuk fi subskripsi;

5. Pembelian berikut adalah **tidak termasuk** dalam pemberian subsidi/insentif ini:
 - i. ubahsuai pejabat;
 - ii. kelengkapan dan perabot pejabat;
 - iii. kenderaan;
 - iv. telefon pintar/bimbit;
 - v. peralatan elektrik;
 - vi. sebarang aksesori untuk peralatan komputer, komputer riba, tablet, server, pencetak, pengimbas dan peralatan ukur dan geomatik; dan
 - vii. peralatan-peralatan lain yang tidak boleh didaftarkan sebagai aset.

6. Untuk makluman YBhg. Datuk Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan LSr, JTB yang berpraktis dibawah nama firma yang sama adalah layak untuk berkongsi jumlah tuntutan subsidi/insentif bagi pembelian satu peralatan/perisian yang mana harganya melebihi jumlah subsidi/insentif yang diberikan LJT.

7. Bersama-sama ini disertakan syarat-syarat bagi permohonan pemberian subsidi/insentif tersebut seperti mana di Lampiran A untuk makluman dan tindakan YBhg. Datuk Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan LSr.

8. Permohonan sebelum 1 Julai 2025
Bagi JTB yang masih belum memasuki fasa pelaksanaan e-invoice, permohonan yang dihantar mulai dari tarikh surat ini hingga 30 Jun 2025 hanya perlu mengisi borang seperti di LAMPIRAN A1.

9. Permohonan selepas 1 Julai 2025 dan pelaksanaan e-Invois
 - 9.1 Bagi menyokong pertumbuhan ekonomi digital, pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah melaksanakan e-Invois dalam usaha untuk meningkatkan kecekapan pengurusan pentadbiran cukai di Malaysia. Untuk memastikan pelaksanaan yang lancar, e-Invois akan dilaksanakan secara berperingkat. Berikut adalah garis masa pelaksanaan e-Invois di Malaysia.

Fasa	Sasaran Pembayar Cukai	Tarikh Pelaksanaan
1	Pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan melebihi RM100 juta	1 Ogos 2024
2	Pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan melebihi RM25 juta dan sehingga RM100 juta	1 Januari 2025
3	Pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan melebihi RM500,000 dan sehingga RM25 juta	1 Julai 2025
4	Pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan sehingga RM500,000	1 Januari 2026

9.2 Rentetan daripada pelaksanaan e-Invois, bermula 1 Julai 2025 JTB perlu mengeluarkan e-Invois untuk tuntutan subsidi/insentif kepada LJT dan ianya adalah salah satu syarat kelulusan permohonan tuntutan tersebut . Sila rujuk Lampiran A untuk syarat-syarat permohonan.

9.3 Bagi JTB yang telah melaksanakan e-Invois dalam Fasa 1 dan 2 kini diwajibkan mengemukakan e-Invois kepada LJT.

9.4 Bagi JTB yang masih belum memasuki fasa pelaksanaan, JTB adalah digalakkan untuk melaksanakan e-Invois secara sukarela. JTB boleh mengeluarkan e-Invois melalui Portal MyInvoice yang disediakan oleh LHDN.

9.5 Sekiranya tuntutan subsidi/insentif yang dikemukakan ditolak sebahagian oleh LJT kerana tidak menepati jenis peralatan yang dibenarkan, JTB hendaklah mengeluarkan Nota Kredit yang telah disahkan kepada LJT bagi mengurangkan jumlah e-Invois yang telah dikeluarkan.

9.6 Lampiran B adalah maklumat LJT bagi tujuan pengeluaran e-Invois oleh JTB.

10. Sebagai makluman, tuntutan subsidi/insentif ini adalah tidak tertakluk kepada cukai jualan dan perkhidmatan (SST). Sehubungan itu e-invois yang dikeluarkan kepada LJT bagi tujuan tuntutan subsidi/insentif ini tidak termasuk caj SST.

11. Bagi JTB yang menerima subsidi/insentif tidak dibenarkan untuk menjual atau melupuskan aset tersebut dalam tempoh tiga (3) tahun. Pihak LJT akan menjalankan kerja-kerja pengauditan dari masa ke semasa ke pejabat JTB bagi memastikan aset-aset berkenaan berada

dalam simpanan dan kawalan JTB. Sekiranya didapati aset-aset berkenaan tidak berada dalam simpanan dan kawalan JTB, maka perkara ini akan di bawa kepada Lembaga untuk tindakan prosiding tatatertib.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(LSr MOHD RIZA BIN HALIM)

Setiausaha Lembaga
Lembaga Jurukur Tanah
Malaysia

s.k: Pengerusi
Lembaga Jurukur Tanah
Malaysia

Syarat-syarat permohonan:

- 1- Tawaran ini hanya terbuka kepada JTB yang aktif menjalankan praktis sebagai Juruukur Tanah Berlesen sepanjang tahun 2025;
- 2- Tuntutan sebanyak satu (1) kali sahaja dibenarkan di mana jumlah keseluruhan tuntutan subsidi adalah 50% berdasarkan harga sebenar pembelian tetapi tertakluk kepada had maksimum sebanyak RM80,000.00 (Ringgit Malaysia Lapan Puluh Ribu Sahaja). Mulai 1 Julai 2025, JTB hendaklah mengeluarkan e-Invois kepada LJT bagi tuntutan subsidi ini;
- 3- Hanya resit pembelian yang dibuat bermula daripada tarikh surat tawaran ini dikeluarkan hingga **31 Oktober 2025** sahaja akan dipertimbangkan untuk penerimaan subsidi/insentif ini;
- 4- Setiap permohonan perlu disertakan:
 - a. e-Invois tuntutan subsidi/insentif JTB kepada LJT (mulai 1 Julai 2025);
 - b. Borang Permohonan Pemberian Subsidi/Insentif Lembaga Jurukur Tanah Malaysia kepada Juruukur Tanah Berlesen bagi tahun 2025 (Lampiran A1); dan
 - c. Resit pembelian asal daripada pembekal.
- 5- Dokumen permohonan seperti di atas yang lengkap **mestilah diterima oleh LJT pada atau sebelum 31 Oktober 2025** untuk pertimbangan. Sebarang permohonan yang diterima oleh LJT selepas tarikh tersebut TIDAK AKAN DILAYAN. Dokumen tuntutan yang lengkap perlu dikemukakan secara *hardcopy* ke LJT. Tuntutan yang dikemukakan melalui email tidak akan dilayan;
- 6- Mana-mana JTB yang didapati menipu dalam mengemukakan tuntutan akan dikenakan tindakan oleh LJT;
- 7- JTB tidak mempunyai sebarang tunggakan hutang dengan LJT; dan
- 8- JTB tidak dikenakan tindakan tatatertib oleh Lembaga dalam tahun 2025.

**LEMBAGA JURUKUR TANAH
MALAYSIA**

**BORANG PERMOHONAN PEMBERIAN SUBSIDI/INSENTIF LEMBAGA JURUKUR TANAH
MALAYSIA KEPADA JURUUKUR TANAH BERLESEN BAGI TAHUN 2025**

1- BUTIRAN JTB

1.1 Nama JTB:

1.2 Nama Firma:

1.3 Alamat Firma:

2- Maklumat e-Invois JTB:

Bil	Tarikh e-invois	Nombor e-invois	Amaun e-invois RM

3- Butiran pembelian bagi tuntutan subsidi:

(Sila sertakan Resit Asal Pembelian sebagai bukti)

Bil	Perkara	No. Resit Pembelian	Tarikh Resit	No. Siri Peralatan	Kuantiti	Harga (RM)	Jumlah (RM)
Jumlah Tuntutan :							
Ringgit Malaysia:							

(Sila gunakan lampiran tambahan sekiranya ruang tidak mencukupi)

4- Perakuan

Saya mengesahkan bahawa semua maklumat di atas adalah benar. Sekiranya terdapat unsur penipuan maka Lembaga berhak menolak permohonan ini.

(Tandatangan dan cop JTB)

Tarikh:

LAMPIRAN B

MAKLUMAT BAGI TUJUAN PENGELUARAN E-INVOIS KEPADA LEMBAGA JURUKUR TANAH

Nama:		LEMBAGA JURUKUR TANAH
No. Perniagaan (BRN)	:	<KOSONG>
No. TIN (Nombor Cukai atau Tax Identification Number)	:	C3896257080
No. SST (Nombor Pendaftaran Cukai Jualan dan Perkhidmatan)	:	TIADA
Alamat rasmi		
Alamat Perniagaan		ARAS 5-7, WISMA LJT, LORONG PERAK
		PUSAT BANDAR MELAWATI
		53100 KUALA LUMPUR
Untuk tujuan e-Invoice:		
Alamat Email : secretary@ljt.org.my		
No. Telefon : 03-41085191		
Untuk dihubungi:		
Alamat Email : deposit@ljt.org.my		
No. Telefon : 03-41085191		
No. Faks : 03-41085178		
Pegawai untuk dihubungi berkaitan e-Invois : Hjh Norizan / Pn Norezzaty / Pn Maisarah		